

B Lengkapkan ayat dengan kata sendi nama yang betul.

1 Datuk Chandran akan bertolak _____ China malam ini.

dengan

2 Razali menerima surat _____ sahabat penanya.

hingga

3 Dia dapat menyelesaikan soalan matematik itu _____ mudah.

daripada

4 _____ berpindah, Vanida tidak pernah keluar sendirian.

ke

5 Lim Cheong sangat sayang _____ adiknya.

sejak

6 Siva berjaya _____ peringkat negeri dalam pertandingan menulis esei.

akan

C Tulis BETUL atau SALAH bagi penggunaan kata sendi nama dalam ayat di bawah.

1 Cik Ayumi mendapat tawaran bekerja di syarikat penerbitan.

2 Bas yang kami naiki menuju pada Jalan Kasawari.

3 Tentang kecil lagi, Zakiah sudah pandai berdikari.

4 Hadiah ini untuk tetamu yang hadir.

5 Keluarga Umaira berasal dari Kelantan.

D Lengkapkan petikan di bawah dengan penjodoh bilangan yang sesuai.



Hari ini Aida mengikut ibu pergi ke pasar awam. Mereka menaiki ① se_____ kereta Perodua Viva. Di sana hanya terdapat beberapa ② _____ pengunjung yang datang kerana pasar awam baru dibuka. Ibu membeli dua ③ _____ sayur sawi yang berharga RM2.00 dan tiga ④ _____ ikan bawal. Aida pula membeli lima ⑤ _____ buah limau. Sebelum pulang, ibu membeli dua ⑥ _____ air minuman. Aida berasa seronok dapat menemani ibu.

botol

ekor

buah

biji

orang

ikat